

175
Handwritten signature
16/11/90



**BUTIR-BUTIR MESYUARAT YANG KETIGA
BAGI PENGGAL YANG KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KETUJUH YANG TELAH DIADAKAN
PADA 4, 5, 6, 7 DISEMBER, 1989**

MESYUARAT YANG KETIGA BAGI PENGAL YANG KEEMPAT DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KETUJUH YANG AKAN BER-MULA PADA 4 DISEMBER, 1989 (HARI ISNIN) JAM 9.30 PAGI BER-TEMPAT DI DEWAN UNDANGAN NEGERI, LEBUH LIGHT, PULAU PINANG.

SUSUNAN URUSAN MESYUARAT

1. DOA
2. PENGUMUMAN OLEH Y.B. DATUK SPEAKER
3. PEMBENTANGAN RISALAH-RISALAH:-
 - Bil. 15 Tahun 1989 — Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1990.
 - Bil. 16 Tahun 1989 — Anggaran Pembangunan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1990.
 - Bil. 17 Tahun 1989 — Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1990.
 - Bil. 18 Tahun 1989 — Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang bagi tahun yang telah berakhir pada 31 Disember, 1986.
4. (A) SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEN-DAPATKAN JAWAPAN-JAWAPAN LISAN DARIPADA Y.A.B. KETUA MENTERI:-

Y.B. Encik Boey Weng Keat (Ahli Kawasan Bayan Lepas):

1. Apakah langkah-langkah jangka panjang dan jangka pendek yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah banjir dari kawasan Tanjong hinggalah ke kawasan-kawasan Sungai Pinang, Dato Kramat dan Bayan Lepas?

Y.B. Tuan Haji Yahaya bin Ahmad (Ahli Kawasan Telok Bahang):

2. Pada tahun 1989 hujan lebat yang luar biasa di Negeri Pulau Pinang menyebabkan berlakunya bencana alam seperti tanah dan tebing-tebing sungai runtuh dan sebagainya.
 - (a) Apakah dasar Kerajaan bagi memperbaiki semula keadaan ini?
 - (b) Bolehkah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) membaiki semula tebing-tebing sungai yang roboh, terutama sekali di tebing-tebing titi atau jambatan di Pekan Balik Pulau yang

berdekatan dengan Sekolah St. George dan Rumah Berhala Tionghua, yang dibina oleh orang ramai atau daripada sumbangan pihak swasta? Jika tidak, mengapa?

- (c) Adakah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedar bahawa tebing sungai di bawah sebatang titi yang didirikan oleh orang ramai itu telah roboh di sebabkan oleh banjir beberapa bulan yang lalu? Jika ya, mengapa tidak dibaiki semula?

Y.B. Encik Chian Heng Kai (Ahli Kawasan Berapit):

3. (a) Bilakah pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengemukakan permintaan atau mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Pusat supaya menuntut sebahagian dari kutipan tol Jambatan Pulau Pinang dibahagikan kepada Kerajaan Negeri?
- (b) Nyatakan jumlah bilangan serta tarikh-tarikh perbincangan yang telah diadakan di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat sehingga 30 November, 1989.
- (c) Apakah hasil kesemua perbincangan tersebut setakat ini?

Y.B. Encik Lim Hock Seng (Ahli Kawasan Bagan Jermal):

4. Nyatakan perkembangan terbaru dan keputusan yang telah dicapai oleh Jawatankuasa yang ditubuh bagi mengkaji cadangan undang-undang untuk melindungi penyewa tanah akibat kes Phor Swee Siang yang diputuskan oleh Mahkamah Agung.

Y.B. Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli (Ahli Kawasan Permatang Pasir):

5. Banyak parit ditepi jalan raya dalam kawasan Permatang Pasir telah menimbulkan masalah kerana terkambus dan tidak diselenggara. Apabila musim hujan, air tidak dapat mengalir dengan sempurna dan melimpah keluar ke jalan menyebabkan banjir di kampung-kampung dan keadaan sekitar yang lecah dan becak. Parit-parit yang dimaksudkan termasuk yang berikut:
- (a) Parit ditepi jalan dari Penanti ke Guar Perahu;
- (b) Parit tepi jalan dari Jalan Kampong Petani ke Jalan Kepala Batas (Disepanjang jalan hadapan rancangan perumahan penswastaan dan bangunan baru Pejabat Pos Kubang Semang), dan
- (c) Parit di Pekan Permatang Pauh dan Parit Jalan Samagagah.

Sehubungan dengan itu, adakah pihak berkenaan sedar bahawa kejadian ini masih berterusan berlaku? Jika ya, apakah tindakan dan peruntukan untuk menyelesaikan masalah tersebut?

Y.B. Encik Goik Hock Lai (Ahli Kawasan Machang Bubok):

6. Bagaimanakah kedudukan dan perkembangan kutipan royalti yang diperolehi daripada kuari di negeri ini? Nyatakan:
 - (a) pungutan yang diperolhi pada tahun 1987 sehingga November 1989;
 - (b) tunggakan sehingga November 1989. Berikan nama dan lokasi kuari berkenaan dan jumlah tunggakan bagi setiap tahun; dan
 - (c) apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap kutipan tunggakan ini?

Y.B. Encik Khoo Boo Yeang (Ahli Kawasan Tanjong Bungah):

7. Apakah bandar-bandar baru, kawasan-kawasan perindustrian dan juga perdagangan yang akan diwujudkan dalam kawasan metropolitan Pulau Pinang dan bagaimanakah kawasan-kawasan itu dapat memberi perkhidmatan kepada negeri-negeri di utara Semenanjung Malaysia dalam dekad akan datang?

Y.B. Encik Shanmugam s/o Nadason (Ahli Kawasan Prai):

8. (a) Berapa ramaiakah Pegawai Bahagian Satu atau setaraf dengannya di Pejabat Kerajaan Pulau Pinang dan Badan Berkanun, Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai yang dilanjutkan tempoh percubaan mereka kerana tidak lulus peperiksaan Bahasa Malaysia di peringkat SPM/MCE dan/atau diperingkat Peperiksaan Am Kerajaan?
- (b) Berikan senarai nama pegawai-pegawai tersebut, pangkat mereka dan pejabat atau perbadanan di mana mereka bertugas.
- (c) Berikan sebab-sebab mereka diberi lanjutan tempoh percubaan.

Y.B. Encik Chin Nyok Soo (Ahli Kawasan Paya Terubong):

9. Sungai Dondang yang mengalir dari Paya Terubong ke Estet Thean Teik menjadi semakin sempit disebabkan oleh pembangunan perumahan dan timbunan pasir. Adakah Jabatan Pengairan dan Saliran merancang untuk mengatasi masalah banjir ini? Jika ada, bilakah rancangan ini dimulakan?

Y.B. Encik Abd. Roni bin A. Hasan (Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar):

10. (a) Berapa banyakkah bilangan Lesen Tumpangan Sementara yang telah dikeluarkan sehingga 31 Oktober 1989?

- (b) Berapa banyakkah pendapatan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang hasil daripada bayaran Lesen berkenaan?
- (c) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang akan meluluskan hakmilik bagi menggantikan Lesen Tumpangan Sementara itu?

Y.B. Encik Lim Kit Siang (Ahli Kawasan Kampong Kolam):

11. (a) Nyatakan jumlah wang yang telah dikutip oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai daripada pemaju-pemaju perumahan dalam bentuk sumbangan
 - (i) tempat meletak kereta; dan
 - (ii) Menanam pokok dan 'landscaping' sehingga ini dan sejak bilakah sumbangan-sumbangan ini mula dikutip oleh kedua-dua Majlis?
- (b) Berapakah daripada jumlah wang sumbangan ini yang telah dibelanjakan untuk tujuan membina tempat meletak kereta, menanam pokok dan 'landscaping' oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai sehingga ini? Adakah wang dari sumbangan ini digunakan untuk tujuan lain? Jika ya, sila beri butir-butir yang berkenaan.
- (c) Adakah Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai bercadang untuk memulangkan kesemua sumbangan tempat meletak kereta, menanam pokok dan 'landscaping' memandangkan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang telah memutuskan pada 4 November 1989 bahawa sumbangan ini adalah tidak sah? Bagaimanakah sumbangan ini akan dipulangkan dan berikan butir-butir yang berkenaan.
- (d) Berapakah jumlah kos yang perlu ditanggung oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai bagi kes Mahkamah Tinggi yang dimenangi oleh Rethina Development?
- (e) Mengapakah pihak Kerajaan Negeri tidak menghiraukan beberapa representasi yang dikemukakan oleh pemaju-pemaju perumahan termasuk Persatuan Pemaju Perumahan Pulau Pinang yang mana membantah kutipan sumbangan yang tidak sah ini?
- (f) Apakah yuran-yuran dan sumbangan-sumbangan lain yang dikutip daripada pemaju perumahan oleh kedua-dua Majlis yang tidak sah dalam sisi undang-undang? Apakah aduan-aduan dan representasi yang dikemukakan oleh pemaju-pemaju perumahan dan nyatakan tindakan dan keputusan yang telah diambil terhadap aduan dan representasi ini?

Y.B. Encik Tan Loo Jit (Ahli Kawasan Batu Lanchang):

12. Mengenai kekurangan kenderaan yang berlesen untuk membawa pekerja-pekerja ke kilang, adakah perkara ini benar? Jika ya, beritahu Dewan ini bilangan bas kilang yang diperlukan.

(i) Di Seberang Perai; dan

(ii) Di Pulau Pinang.

Y.B. Encik Gooi Hock Seng (Ahli Kawasan Ayer Itam):

13. Adakah Undang-undang Kecil Majlis Perbandaran mengenai keseragaman pengiklanan (Municipal Council Uniform Advertising By-laws) yang diumumkan baru-baru ini oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai? Adakah Kerajaan Negeri dan/atau Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai telah mengemukakan apa-apa usul menyokong atau membantah undang-undang kecil tersebut?

Y.B. Encik Karpal Singh (Ahli Kawasan Bukit Glugor):

14. Bolehkah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri jelaskan tentang kebenaran sama ada pihak Jepun pernah berazam menjadikan Bukit Bendera sebagai kawasan penginapan bagi pegawai-pegawai Jepun yang sudah bersara sebagaimana disiarkan dalam Utusan Konsumer edisi Ogos 1989?

Y.B. Encik Abdul Razak bin Ismail (Ahli Kawasan Penaga):

15. Adakah pihak Kerajaan Negeri pernah membuat kajian kemungkinan dasar laut di Pulau Pinang ini juga mempunyai potensi pengeluaran minyak? Jika ya, apa hasil kajian yang dijalankan? Jika tidak, adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk menjalankan kajian tersebut?

Y.B. Puan Hajjah Ragayah binti Ariff (Ahli Kawasan Sungai Acheh):

16. Setelah pertumbuhan ekonomi bertambah baik pada hari ini, adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang merancang untuk menyediakan peluang-peluang pekerjaan dan sumber pendapatan terutama sekali kepada belia-belia bagi mengatasi masalah pengangguran?

Y.B. Dr. Lim Boon Sho (Ahli Kawasan Sungai Bakap):

17. (a) Apakah jumlah keluasan tanah yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri di perkampungan-perkampungan baru dan di sekitar

perkampungan-perkampungan baru di Seberang Perai Selatan?

- (b) Setakat ini, berapa ramaikah orang telah memohon tanah Kerajaan itu?
- (c) Bilakah Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan permohonan-permohonan itu?
- (d) Saya difahamkan bahawa terdapat banyak tanah Kerajaan yang dipajakkan kepada penduduk-penduduk perkampungan baru dan tempoh pajakan akan tamat pada 1989 dan 1990. Bolehkah Kerajaan Negeri memindahkan milik tanah itu kepada mereka apabila tempoh pajakan itu tamat?

Y.B. Encik Chin Kooi Thoon (Ahli Kawasan Jawi):

- 18. Apakah hasil yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri berikutan dengan lawatan rombongan yang diketuai oleh Y.A.B. Ketua Menteri melawat ke negara China baru-baru ini? Berikan nama pegawai-pegawai Kerajaan Negeri serta tugas mereka untuk mengikut rombongan ini dan sebutkan jumlah wang yang dibelanjakan bagi rombongan tersebut?

Y.B. Encik Teoh Teik Huat (Ahli Kawasan Pengkalan Kota):

- 19. (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang mewartakan kawasan sekitar Tokong Kek Lok Si dan patung Kuan Yin di Ayer Itam dan bukit-bukit di sekelilingnya sebagai zon pelancongan yang mana akan diberi perhatian khas oleh Kerajaan Negeri dari segi peruntukan wang untuk menjadikan zon ini sebagai tempat pelancongan yang paling menarik di rantau Asia dan juga menghad dan mengawal pembangunan fizikal projek-projek yang tidak ada kaitan dengan industri pelancongan di zon ini supaya tidak merosakkan pemandangan di tempat itu? Jika ya, beri butir-butir yang berkaitan dan jika tidak, berikan sebab-sebabnya.
- (b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberi peruntukan khas kepada Jawatankuasa Pembinaan Patung Kuan Yin supaya patung ini boleh diperbaiki dan dibina semula ke paras tinggi yang asal seperti yang dirancang? Jika ya, beri butir-butir yang berkaitan dan jika tidak, beri sebab-sebabnya.

Y.B. Encik Peter Huang (Ahli Kawasan Kebun Bunga):

- 20. (a) Adakah sebarang industri di Pulau Pinang yang menggunakan tenaga dan teknologi radioaktif? Sekiranya ada, sila berikan butiran penuh berkenaan jenis dan bilangan kilang berkenaan dan juga bagaimanakah sisa-sisa radioaktif tersebut dibuang?

- (b) Apakah jumlah pengeluaran sisa-sisa toksid daripada kilang-kilang di Pulau Pinang bagi sepuluh tahun kebelakangan ini dengan memberi pecahan tahunan jumlah berkenaan dan juga pecahan jenis kilang-kilang yang mengeluarkan sisa-sisa toksid yang paling banyak?
- (c) Bagaimanakah sisa-sisa toksid tersebut dibuang? Di manakah tapak bagi melonggokkan sisa-sisa tersebut? Nyatakan jaminan keselamatan terhadap tempat-tempat tersebut.

Y.B. Encik Yahaya bin Abdul Hamid (Ahli Kawasan Pinang Tunggal);

21. Apakah yang dikatakan Akta Kilang dan Jentera itu? Berapa ramaikah yang terlibat dengan kemalangan semasa bertugas di kilang-kilang perindustrian di Negeri Pulau Pinang bagi tahun-tahun 1985, 1986, 1987, 1988 dan 1989 dan berapa ramai pula yang mati? Apakah langkah-langkah yang dikenakan oleh Kerajaan terhadap tuan-tuan punya kilang dalam usaha mencegah kemalangan ke atas pekerja-pekerja ini? Berapa banyakkah pampasan yang diberi untuk sesuatu kemalangan jiwa?

Y.B. Encik Yahaya bin Jamaluddin (Ahli Kawasan Penanti):

22. Bagaimanakah perkembangan rancangan Kerajaan Negeri hendak memberi kemudahan perubatan kelas kedua kepada anggota Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung di hospital-hospital Kerajaan negeri ini? Adakah cadangan itu telah terlaksana setakat ini?

Y.B. Puan Kee Phaik Cheen (Ahli Kawasan Batu Uban):

23. Lebuhraya Sungai Nibong sungguh sibuk dengan lalulintas akibat kepesatan kegiatan ekonomi dan pembangunan kawasan perumahan di kawasan Batu Uban:
- (a) Apakah yang terjadi kepada projek jalan persisiran terutamanya jalan yang menghubungkan kawasan Tanjong dengan lapangan terbang?
 - (b) Bilakah projek jalan persisiran yang sekarang ini diberhentikan akan dijalankan semula?
 - (c) Adakah apa-apa rancangan untuk menghubungkan Jalan Yeap Chor Ee ke kawasan-kawasan perumahan di Batu Uban seperti Taman Brown, Taman Sentosa, Sungai Dua, Taman Lip Sin dan Taman Bukit Jambul?
 - (d) Berikan butir-butir terperinci mengenai projek jalan berkembar.
 - (e) Bilakah kerja-kerja memasang lampu isyarat lalu-lintas yang dicadangkan di persimpangan Jalan Aziz Ibrahim, Lebuhraya dan Jalan Sungai Dua akan dimulakan?

Y.B. Encik Boey Weng Keat (Ahli Kawasan Bayan Lepas):

24. Apakah jenis rancangan yang sedang dilaksanakan oleh Pihakberkuasa yang berkenaan untuk menggiatkan lagi aktiviti-aktiviti akuakultur dan kegiatan menangkap ikan di laut dalam di Negeri Pulau Pinang?

Y.B. Tuan Haji Yahaya bin Ahmad (Ahli Kawasan Telok Bahang):

25. Adakah Kerajaan dan Jabatan Kerja Raya sedar bahawa keadaan Jalan Tun Sardon membahayakan pengguna-pengguna yang lalu-lalang dan menggunakan jalan itu.
- (a) Terdapat batu-batu besar dan kecil yang menonjol keluar dan menanti masa saja akan jatuh terutama apabila hujan lebat. Apakah tindakan yang akan diambil bagi mengelakkan berlakunya perkara yang tidak diingini?
 - (b) Bilakah batu-batu yang terjatuh masuk ke dalam parit-parit di tepi Jalan Tun Sardon hendak dibersihkan?
 - (c) Mengapakah batu-batu ini dibiarkan lama dalam parit itu yang mana telah mengganggu pengaliran air ketika hujan dan menyebabkan air melimpah keluar ke atas jalan dan seterusnya merosakkan jalanraya serta membahayakan pengguna-pengguna jalan?

Y.B. Encik Chian Heng Kai (Ahli Kawasan Berapit):

26. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa kebanyakan penduduk Seberang Perai telah membantah kenaikan cukai pintu oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai? Jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan beban penduduk-penduduk yang berkenaan?

Y.B. Encik Lim Hock Seng (Ahli Kawasan Bagan Jermal):

27. Apakah kriteria yang dirujuk untuk menaksirkan nilai tahunan dan kadar peratus yang dikenakan ke atas sesuatu bangunan di Seberang Perai?

Y.B. Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli (Ahli Kawasan Permatang Pasir):

28. Berapa ramai siswazah yang menganggur yang telah didaftarkan di Negeri Pulau Pinang dan berapa ramai pula telah diberi peluang pekerjaan?

Y.B. Encik Goik Hock Lai (Ahli Kawasan Machang Bubok):

29. (a) Berapa banyakkah permohonan untuk memperbaharui pajakan tanah di perkampungan baru telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri sehingga ke hari ini?

- (b) Berapakah daripada permohonan yang telah diluluskan itu telah diberi hakmilik dan berapa pula yang masih belum diberikan lagi?
- (c) Apakah sebab kelewatan penyerahan hakmilik tanah ini?

Y.B. Encik Khoo Boo Yeang (Ahli Kawasan Tanjong Bungah):

30. Apakah projek-projek yang telah atau akan dicadangkan oleh Jabatan-jabatan Persekutuan, Negeri dan Majlis Perbandaran untuk Pulau Pinang dalam Rancangan Malaysia Keenam?

Y.B. Encik Shanmugam s/o Nadason (Ahli Kawasan Prai):

31. (a) Apakah keputusan hasil daripada perbincangan Pengerusi Jawatankuasa Tenaga Rakyat Negeri dengan pegawai-pegawai Kementerian Perusahaan Awam mengenai masalah operator-operator van haram yang mengangkut pekerja-pekerja ke kilang-kilang?
- (b) Adakah Pengerusi Jawatankuasa Tenaga Rakyat membuat permintaan khas kepada pegawai-pegawai Kementerian Perusahaan Awam untuk mengeluarkan lesen-lesen kepada van-van ini untuk mengesahkan kedudukan mereka dari segi undang-undang? Jika tidak, mengapakah beliau tidak membuat permintaan sedemikian?
- (c) Walau bagaimanapun, sama ada Kementerian Perusahaan Awam akan mengeluarkan lesen-lesen kepada van-van ini ataupun tidak, adakah Kerajaan Negeri sendiri mempunyai apa-apa cadangan untuk menyelesaikan masalah ini? Jika ya, apakah cadangan tersebut?

Y.B. Encik Chin Nyok Soo (Ahli Kawasan Paya Terubong):

32. Walaupun 'culvert' yang terletak di hadapan Rumah Pangsa Wayton, Paya Terubong telahpun siap, adakah projek memperluaskan jalanraya dari simpang Kampong Pisang ke Paya Terubong boleh disempurnakan dalam tahun ini?

Y.B. Encik Abdul Roni bin A. Hasan (Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar):

33. (a) Berapa banyakkah permohonan bagi mendapatkan patil nombor rumah yang telah dibekukan oleh pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai?
- (b) Beri pecahan permohonan tersebut mengikut daerah-daerah.
- (c) Adakah Kerajaan bercadang akan membuka semula permohonan ini?
- (d) Jika tidak, beri sebab-sebabnya.

Y.B. Encik Lim Kit Siang (Ahli Kawasan Kampong Kolam):

34. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa beberapa batang jalan di bandaraya Georgetown sering dilanda banjir kilat sejak kebangkitan ini? Adakah masalah banjir ini akibat daripada usaha tebusguna tanah di pantai-pantai Negeri Pulau Pinang? Jika tidak, apakah sebab yang sebenarnya? Apakah langkah-langkah sementara atau jangka panjang yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mencegah banjir di bandaraya Georgetown?

Y.B. Encik Tan Loo Jit (Ahli Kawasan Batu Lanchang):

35. Pada masa ini memang terdapat kekurangan pekerja yang berkemahiran di Negeri ini. Adakah Kerajaan Negeri bercadang mensyaratkan kepada pelabur-pelabur asing supaya melatih pekerja-pekerja tempatan sebelum diberi kelulusan mendirikan kilang di sini?

Y.B. Encik Gooi Hock Seng (Ahli Kawasan Ayer Itam):

36. Adakah Kerajaan Negeri selepas Mesyuarat Dewan Undangan Negeri pada 25 September, 1989 mengemukakan apa-apa permintaan atau usul kepada Kerajaan Persekutuan bagi memindahkan Pusat Pemulihan Akhlak Pulau Jerejak ke suatu tempat lain supaya pulau itu boleh digunakan untuk tujuan pembangunan sosial dan ekonomi?

Y.B. Encik Karpal Singh (Ahli Kawasan Bukit Glugor):

37. Adakah Kerajaan bersedia mengumumkan 1 Januari sebagai cuti umum bagi merayakan Hari Bandaraya Georgetown? Sekiranya tidak, berikan sebab-sebabnya.

Y.B. Encik Abdul Razak bin Ismail (Ahli Kawasan Penaga):

38. (a) Adakah pihak Kerajaan mempunyai satu tabung bantuan bencana bagi mengatasi sebarang kemungkinan malapetaka yang berlaku di negeri ini?
- (b) Bagaimanakah permohonan boleh dibuat jika berlaku sesuatu malapetaka yang memerlukan bantuan melebihi \$1000.00?

Y.B. Puan Hajjah Ragayah binti Ariff (Ahli Kawasan Sungai Acheh):

39. Berapa ramaiakah penjaja-penjaja kecil di kawasan Seberang Perai Selatan yang memegang lesen penjaja bergerak dan yang tidak bergerak? Berikan pecahan mengikut kaum.

Y.B. Dr. Lim Boon Sho (Ahli Kawasan Sungai Bakap):

40. Berikan butir-butir terperinci mengenai tapak atau lokasi industri ringan, sederhana dan berat yang akan diwujudkan di Seberang Perai Selatan.

Y.B. Encik Chin Kooi Thoon (Ahli Kawasan Jawi):

41. Adakah benar terdapat rakyat asing yang berasal dari negara Indonesia bekerja di kawasan perindustrian di negeri ini?
 - (a) Jika ya, beritahu bilangannya dan nama kilang-kilang di mana mereka bekerja?
 - (b) Berapa lamakah setiap pekerja dibenarkan bekerja di negeri ini dan apakah syarat-syaratnya?
 - (c) Adakah pekerja-pekerja berkenaan terlibat dalam kes jenayah? Jika ya, nyatakan bilangan kes.
 - (d) Berapakah daripada mereka yang masuk ke negeri ini secara haram?

Y.B. Encik Peter Huang (Ahli Kawasan Kebun Bunga):

42. Apakah kajian yang telah dijalankan terhadap "environmental impact of coastal reclamation" di Pulau Pinang? Apakah keputusan kajian-kajian tersebut dan sekiranya tiada sebarang kajian yang dijalankan, sila berikan sebab-sebabnya?

Y.B. Encik Yahaya bin Abdul Hamid (Ahli Kawasan Pinang Tunggal):

43. Kes 27 orang pekerja kilang mengandungi tanpa suami bukan menjadi rahsia lagi dan menakutkan para ibubapa. Adakah pihak Kerajaan Negeri menjalankan siasatan rapi bagi mengetahui siapa dan sebab apakah mereka terlibat dengan perbuatan terlanjur itu? Apakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa rancangan bagi membentasi gejala seperti ini supaya tidak menjadi sebahagian daripada budaya kilang? Apakah Kerajaan mempunyai peruntukan bagi membiayai rancangan serupa ini memandangkan pekerja-pekerja kilang adalah sebahagian daripada nadi pembangunan negara yang harus dijaga dengan baik?

Y.B. Encik Yahya bin Jamaluddin (Ahli Kawasan Penanti):

44. Adakah benar Kerajaan akan menaikkan elaun anggota Jawatan Kuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung? Jika ya, bilakah ianya akan dijalankan? Jika tidak, mengapa?

Y.B. Puan Kee Phaik Cheen (Ahli Kawasan Batu Uban):

45. Baru-baru ini tikus telah mendatangkan masalah bukan sahaja di Bandar Bayan Baru tetapi juga di kebanyakan tempat di Pulau Pinang.
- (a) Apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Jabatan Kesihatan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang untuk mengatasi masalah ini?
 - (b) Ditempat-tempat di mana tikus-tikus ini telah membina satu sistem terowong yang luas seperti di kawasan Mahsuri, Bandar Bayan Baru, apakah cara-cara lain yang sedang digunakan setelah didapati cara "smoking" gagal?
 - (c) Adakah Majlis Perbandaran Pulau Pinang bercadang akan melancarkan satu kempen anti tikus seperti mana kempen anti gagak? Kalau tidak, mengapa? Kalau ada, sila berikan butir-butir lanjut.

Y.B. Encik Boey Weng Keat (Ahli Kawasan Bayan Lepas):

46. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh pihak berkuasa yang berkenaan dalam meningkat kemahiran tenaga kerja di Negeri Pulau Pinang?

Y.B. Tuan Haji Yahya bin Ahmad (Ahli Kawasan Telok Bahang):

47. Tahun 1990 adalah Tahun Melawat Malaysia.
- (a) Apakah rancangan Kerajaan bagi menambah lagi kawasan pelancongan yang lebih menarik daripada yang sedia ada sekarang di Negeri Pulau Pinang?
 - (b) Mengapakah kawasan yang begitu strategik seperti Titi Kerawang, Sungai Pinang tidak dibangunkan bagi menarik lebih ramai pelancong samada dari dalam negeri mahupun luar negeri berkunjung ke kawasan ini?
 - (c) Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk membangunkan kawasan Titi Kerawang? Jika ada, bila dan jika tidak, nyatakan sebabnya.

Y.B. Encik Chian Heng Kai (Ahli Kawasan Berapit):

48. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk memberi peruntukan kewangan kepada sekolah-sekolah menengah swasta di negeri ini seperti yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Selangor? Jika ada, sebutkan butir-butir yang berkenaan? Jika tidak, mengapa?

Y.B. Encik Lim Hock Seng (Ahli Kawasan Bagan Jermal):

49. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini tentang kajian banjir dan perparitan di sepanjang Jalan Raja Uda? Adakah Kerajaan bercadang hendak membina parit-parit di tepi jalan ini?

Y.B. Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli (Ahli Kawasan Permatang Pasir):

50. Adakah Kerajaan bercadang akan mendirikan pasar awam di Pekan Permatang Pauh dan Pekan Kubang Semang? Jika ada, beritahu kedudukan dan peruntukannya dan bila ianya akan didirikan.

Y.B. Encik Goik Hock Lai (Ahli Kawasan Machang Bubok):

51. (a) Nyatakan bilangan permohonan tanah termasuk tarikh permohonan yang telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri dan masih dalam pertimbangan bagi kawasan yang berikut:
- (i) perkampungan Machang Bubok;
 - (ii) perkampungan Permatang Tinggi;
 - (iii) Kampung Baru, Bukit Mertajam;
 - (iv) perkampungan Sungai Lembu;
 - (v) perkampungan Juru; dan
 - (vi) perkampungan Berapit.
- (b) Apakah sebabnya permohonan ini mengambil masa begitu lama untuk dipertimbangkan?

Y.B. Encik Khoo Boo Yeang (Ahli Kawasan Tanjong Bungah):

52. (a) Berapakah luas tanah yang sedang atau akan ditebusguna untuk kegunaan industri pada masa hadapan?
- (b) Berapakah luas tanah milik persendirian yang telah diambil balik dan yang telah dirancang untuk diambil balik untuk kegunaan perindustrian bagi mengatasi masalah kekurangan tanah sekarang?

Y.B. Encik Shanmugam s/o Nadason (Ahli Kawasan Prai):

53. (a) Memandangkan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang telah membuat arahan pada 4 November 1989 supaya Majlis Perbandaran Seberang Perai mengembalikan wang yang telah dikutip secara tidak sah daripada Rethina Development Sendirian Berhad sebagai sumbangan untuk menanam pokok, adakah

Kerajaan Negeri akan mengeluarkan apa-apa arahan kepada kedua-dua pihak Majlis Tempatan di Negeri ini terhadap untuk tujuan apakah pihak Majlis boleh mengutip wang secara sah daripada pemaju dan untuk tujuan apakah pula mereka tidak boleh berbuat demikian?

- (b) Jika arahan tersebut telah dikeluarkan, berikan butir-butir arahan.
- (c) Jika arahan tersebut tidak dikeluarkan, adakah pihak Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan secara serius untuk menjalankan kajian terhadap kuasa Majlis atas pemaju-pemaju dan mengeluarkan arahan-arahan seumpama itu pada masa akan datang?

Y.B. Encik Chin Nyok Soo (Ahli Kawasan Paya Terubong):

- 54. Tahun 1990 merupakan Tahun Melawat Malaysia. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang melancarkan projek-projek yang besar bagi menarik lebih banyak pelancong melawat Pulau Pinang?

Y.B. Encik Abdul Roni bin A. Hasan (Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar):

- 55. (a) Bagaimanakah pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai membuat perkiraan ke atas nilai tahunan cukai taksiran Majlis Perbandaran Seberang Perai bagi senarai nilai baru 1990?
- (b) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedar bahawa terdapat perbezaan yang besar atas cukai yang dikenakan jika dibandingkan dengan jumlah yang kena dibayar sekarang, terutamanya bagi kawasan luar bandar?

Y.B. Encik Lim Kit Siang (Ahli Kawasan Kampong Kolam):

- 56. Sejauh manakah Kerajaan Negeri telah dapat memenuhi permintaan perumahan oleh rakyat negeri ini? Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membenarkan kontraktor asing mengambil bahagian dalam Rancangan Khas Penswastaan Perumahan? Jika ya, berikan butir-butir yang berkaitan. Jika tidak, apakah sebabnya?

Y.B. Encik Karpal Singh (Ahli Kawasan Bukit Glugor):

- 57. Adakah Kerajaan Negeri mampu dan bersedia untuk mengubahkan wajah bangunan-bangunan lama yang terletak di sepanjang pinggir pantai sepertimana dilakukan di Pasar Besar (Central Market) Kuala Lumpur? Sekiranya tidak, berikan sebab-sebabnya.

Y.B. Puan Hajjah Ragayah binti Ariff (Ahli Kawasan Sungai Aceh):

58. Memandangkan tanaman kelapa mawar di kawasan perkampungan Sungai Chenaam tidak mendatangkan hasil yang baik, adakah Kerajaan bercadang untuk menggantikan tanaman kelapa mawar itu dengan tanaman yang lain, atau mengadakan projek-projek perusahaan bagi menambahkan pendapatan penduduk di perkampungan tersebut?

Y.B. Dr. Lim Boon Sho (Ahli Kawasan Sungai Bakap):

59. (a) Bolehkah Kerajaan Negeri menanggungkan urusan menilai semula harta-harta di seluruh Seberang Perai bagi meringankan beban rakyat di kawasan berkenaan?
- (b) Hasil daripada penilaian semula itu, belanjawan Majlis Perbandaran Seberang Perai hanya akan bertambah \$2.6 juta ringgit. Bolehkah Kerajaan Negeri memberi subsidi sebanyak \$2.6 juta ringgit itu supaya beban rakyat di Seberang Perai dapat diringankan?
- (c) Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa penilaian semula tersebut telah menyulitkan penghuni-penghuni rumah kos rendah kerana terdapat setengah kenaikan yang setinggi \$56.00 - \$98.00? Di perkampungan baru pula, ada yang mengalami kenaikan sehingga 100%, iaitu dari \$30.00 kepada \$60.00.

Y.B. Encik Chin Kooi Thoon (Ahli Kawasan Jawi):

60. Berapa ramaikah penduduk yang menceburi bidang ternakan kerang di Seberang Perai? Sejak bulan Ogos 1986 sehingga 30 Oktober, 1989, berapa banyakkah jumlah peruntukan yang diberi kepada mereka? Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan jangka panjang untuk membantu bidang ternakan ini? Jika ya, bilakah rancangan berkenaan akan dilaksanakan?

Y.B. Encik Peter Huang (Ahli Kawasan Kebun Bunga):

61. (a) Berapa ramaikah operator telefon yang bertugas dalam waktu pejabat di pusat pertalian telefon di KOMTAR untuk menyambung panggilan telefon daripada orang awam ke pejabat-pejabat Kerajaan Negeri yang berkenaan di KOMTAR?
- (b) Berapakah bilangan pejabat-pejabat Kerajaan Negeri yang menggunakan perkhidmatan operator telefon yang sama?

Y.B. Encik Yahaya bin Jamaluddin (Ahli Kawasan Penanti):

62. Mengapakah keanggotaan Jawatankuasa Kemajuan dan Kesela-

matan Kampong di perkampungan Sungai Lembu, Bukit Mertajam belum dipenuhi? Sila terangkan apakah 'kriteria' yang digunakan oleh Kerajaan bagi memilih anggota Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampong ini, dan bilakah keanggotaan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampong perkampungan Sungai Lembu ini dapat dipenuhi?

Y.B. Puan Kee Phaik Cheen (Ahli Kawasan Batu Uban):

63. Adalah dikesali bahawa kawasan Batu Uban yang menikmati kadar pembangunan yang sangat tinggi di dalam negeri masih menghadapi masalah banjir. Sila berikan butir-butir mengenai langkah-langkah serta-merta dan jangka panjang yang sedang diambil oleh pihak Jabatan Kerja Raya, Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Jabatan Pengairan dan Saliran untuk mengurangkan masalah banjir di kawasan-kawasan berikut:

- (a) Taman Tun Sardon
- (b) Taman Brown
- (c) Jalan Molek
- (d) Changkat Minden
- (e) Jalan Pantai Jerejak
- (f) Sungai Nibong Kecil (Kampong Tok Kramat)
- (g) Sungai Ubi (Taman Desa Melati)

Y.B. Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli (Ahli Kawasan Permatang Pasir):

64. Sempena tahun 1990 iaitu "Tahun Melawat Malaysia", Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang akan menjadi tumpuan dan destinasi para pelancong. Berapakah jumlah peruntukan yang telah diberi oleh Kerajaan Pusat dan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sendiri? Apakah rancangan yang telah dilaksanakan dan juga yang diatitkan akan persiapan menghadapi tahun ini.

Y.B. Encik Goik Hock Lai (Ahli Kawasan Machang Bubok):

65. Memandangkan kepada pemulihan ekonomi Negara, khususnya di Negeri Pulau Pinang, berapa banyakkah pelaburan asing yang datang melabur di Negeri ini pada tahun 1989?

- (a) Nyatakan jenis perindustrian dan jumlah modal yang telah dilabor bagi setiap pelabur asing.
- (b) Berapa banyakkah peluang pekerjaan yang dapat diwujudkan daripada pelaburan-pelaburan ini?

Y.B. Encik Chin Nyok Soo (Ahli Kawasan Paya Terubong):

66. (a) Berapakah bilangan bangunan di dalam dan di luar kawasan bandaraya?
- (b) Berapakah jumlah kutipan cukai pintu yang diperolehi daripada bangunan-bangunan dalam bandaraya dan luar kawasan bandaraya pada setiap tahun?

Y.B. Encik Karpal Singh (Ahli Kawasan Bukit Glugor):

67. Adakah Kerajaan Negeri bersedia menyumbangkan tanah yang mempunyai banglo-banglo berhalaman besar seperti rumah-rumah kediaman pegawai-pegawai atasan Kerajaan untuk rancangan-rancangan pembinaan rumah kos rendah yang kini menghadapi masalah kekurangan tanah dalam Negeri?

Y.B. Puan Hajjah Ragayah binti Ariff (Ahli Kawasan Sungai Acheh):

68. Bekalan air di kawasan Sungai Acheh tidak begitu bersih, dan adalah difahamkan bahawa kawasan ini masih banyak mempunyai paip besi yang lama dan berkarat. Bilakah Kerajaan bercadang untuk menggantikan paip besi yang telah lama itu dengan yang baru?

Y.B. Dr. Lim Boon Sho (Ahli Kawasan Sungai Bakap):

69. (a) Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa keadaan pasar persendirian yang terletak di pekan Simpang Empat sangatlah buruk dan pasar itu telahpun di tutup?
- (b) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh 10,000 orang penduduk yang membeli barang-barang keperluan harian mereka di pasar tersebut?
- (c) Bolehkah Kerajaan Negeri mendapatkan tapak sementara yang lain bagi penduduk Simpang Empat sebelum sebuah pasar baru didirikan?
- (d) Bilakah Kerajaan Negeri boleh memohon bantuan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan untuk membina sebuah pasar baru bagi penduduk Simpang Empat memandangkan keperluan mereka adalah mendesak?

Y.B. Encik Yahaya bin Jamaluddin (Ahli Kawasan Penanti):

70. Mengenai projek-projek penswastan Majlis Perbandaran Seberang Perai, berapakah bilangan projek yang telah diswastakan dan namakan projek-projek tersebut? Sila beritahu angka perangkaan keuntungan yang diperolehi atau kerugian, jika ada?

Y.B. Encik Karpal Singh (Ahli Kawasan Bukit Glugor):

71. Bolehkah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri beritahu meng-
apakah Pejabat Tanah dan Galian gagal mengemukakan penyata
penyesuaian hasil tahunan (Annual Revenue Reconciliation
Statements) sejak tahun 1982?

Y.B. Puan Hajjah Ragayah binti Ariff (Ahli Kawasan Sungai Acheh):

72. Seberang Perai Selatan mempunyai 2 projek bangunan rumah
pangsang kos rendah. Sehingga ini adakah semua blok rumah pangsang
itu telah diperuntukkan kepada pembeli? Jika belum apakah
sebabnya?

Y.B. Dr. Lim Boon Sho (Ahli Kawasan Sungai Bakap):

73. (a) Setakat ini berapa banyakkah di antara kerja-kerja pember-
sihan sampah-sarap, menyapu jalan-jalanraya dan mencuci
longkang-longkang yang telah diwastakan oleh Majlis Per-
bandaran Seberang Perai di seluruh Seberang Perai?
- (b) Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa penswastaan kerja-
kerja seumpama ini telah mendukacitakan orang ramai dan
taraf kebersihan juga telah merosot?
- (c) Bolehkah Kerajaan Negeri mendesak Majlis Perbandaran
Seberang Perai mengkaji semula prestasi kontraktor-kon-
traktor yang berkenaan?

Y.B. Dr. Lim Boon Sho (Ahli Kawasan Sungai Bakap):

74. (a) Bilakah Kerajaan Negeri akan menggesa Kerajaan Perse-
kutuan supaya membina sebuah perpustakaan yang bernilai
satu juta ringgit bagi kegunaan penduduk di Seberang Perai
Selatan memandangkan perpustakaan tersebut sangat di-
perlukan?
- (b) Sekiranya bantuan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan
sukar diperolehi, bolehkah Kerajaan Negeri menyediakan
sebahagian peruntukan bagi memulakan pembinaannya?

(B) SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEN-
DAPATKAN JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS DARIPADA
Y.A.B. KETUA MENTERI:

I. Y.B. Encik Chian Heng Kai (Ahli Kawasan Berapit):

1. Adakah benar Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang
telah meluluskan permohonan mendapatkan tanah yang dikemu-
kakan oleh Lembaga Pengarah Sekolah Menengah Jit Sin untuk

membina bangunan sekolah tersebut yang berhampiran dengan Taman Sri Rambai, Bukit Mertajam? Jika ya, sebutkan:-

- (a) tarikh kelulusan diberikan dan perkembangan terbaru; dan
 - (b) adakah pelan pembangunan sekolah ini diluluskan oleh pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Jabatan Kerja Raya? Jika ya, bila? Jika belum, kenapa?
2. Adakah Kerajaan bercadang mendirikan pasar di Kampung Baru, Bukit Mertajam dan di Taman Sri Rambai, Bukit Mertajam untuk memenuhi keperluan penjaja-penjaja di sana? Jika ya,
 - (a) di manakah lokasi kedua-dua pasar yang dicadangkan, dan
 - (b) bilakah kedua-dua pasar ini akan dibina?
3.
 - (a) Berikan butir-butir setiap projek kecil yang diluluskan dan perbelanjaan yang terlibat untuk pelaksanaannya bagi tahun 1989 sehingga 30 November 1989 bagi kawasan-kawasan Pilihanraya Berapit, Machang Bubok dan Bukit Tengah mengikut pecahan peringkat pelaksanaan projek iaitu sama ada telah, sedang ataupun belum dilaksanakan?
 - (b) Adakah peruntukan bagi menjalankan kerja-kerja mengetar jalan dari rumah No. 118 hingga 2374, Mk. 9 Kampung Besar Bukit Mertajam disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat ataupun parti MCA?
4. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk mengatasi masalah pencemaran debu di sepanjang Jalan/Lorong Ciku sejak perkara ini dibangkitkan di Dewan ini pada 25 September 1989 oleh ADUN Berapit? Adakah Ketua Menteri sedar bahawa perkara ini adalah dalam bidangkuasa pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai, sepertimana dinyatakan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar semasa beliau menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen Bukit Mertajam di Dewan Rakyat pada 9 November, 1989?
5. Mengikut pecahan perkampungan sehingga 30 November 1989:-
 - (a) Berapakah bilangan penduduk dari perkampungan Berapit, Machang Bubok, Permatang Tinggi dan Juru yang telah menjelaskan bayaran premium tanah pajakan mereka yang telah dilanjutkan tempohnya kepada 60 tahun?
 - (b) Berapa ramaikah penduduk yang membuat permohonan untuk membayar premium secara ansuran dan bilangan yang berjaya dalam permohonan mereka?
 - (c) Berapa ramaikah penduduk yang tidak buat apa-apa rayuan dan permohonan?

6. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menukar nama Negeri Pulau Pinang kepada nama yang lebih sesuai, misalnya Negeri Pinang, supaya dapat mencerminkan bahawa negeri ini tidak terhad kepada sebuah pulau sahaja? Jika ya, bila dan apakah nama baru yang akan digunakan? Jika tidak, kenapa?
7. (a) Mengapakah nama Tabung Tun Dr. Awang Hassan ditukar menjadi Tabung Tuan Yang Terutama Negeri Pulau Pinang?
 (b) Sebutkan bilangan dan tarikh-tarikh mesyuarat Jawatankuasa Tabung tersebut yang telah diadakan sehingga 30 November 1989?
 (c) Adakah laporan untuk mencadangkan tujuan-tujuan kegunaan baki wang sebanyak \$216,943.62 dalam Tabung ini telah diterima? Jika ya, nyatakan cadangan-cadangan tersebut. Jika tidak, mengapakah laporan itu masih belum disiapkan walaupun telah diberikan masa yang agak panjang?
8. Adakah Ketua Menteri sedar bahawa kawasan-kawasan di Taman Sri Rambai, Kampong Cross Street, Bukit Mertajam dan lain-lain tempat di Bukit Mertajam telah dilanda banjir pada 3 Oktober, 1989? Jika ya, kenapakah Kerajaan Negeri masih belum mengambil tindakan untuk mencegah banjir di tempat-tempat yang disebutkan walaupun perkara ini telah beberapa kali dibangkitkan oleh ADUN Kawasan Berapit? Apakah tindakan yang akan dan telah diambil untuk mengelak masalah ini daripada berulang lagi?
9. Apakah perkembangan terbaru berhubung dengan kajian sistem lalulintas di Pekan Bukit Mertajam dan nyatakan cadangan yang telah dibuat atas perkara ini?
10. Bilakah jejantas yang menghubungkan Jalan Teh Cheok Sah dengan Jalan Sri Bukit akan dibina semula memandangkan jejantas yang lama telah dirobohkan?
11. Apakah tindakan yang telah diambil untuk membaiki pondok rehat di hutan lipur, Cherok Tok Kun yang berada dalam keadaan merbahaya sepertimana terkandung dalam surat ADUN Kawasan Berapit kepada Ketua Menteri pada 26 Oktober, 1989?
12. Bilakah kerja-kerja membina parit-parit konkrit di tepi jalan yang mengalir ke parit monsun di Jalan Tan Sai Gin, Bukit Mertajam akan mula?
13. Adakah masalah bekalan air ke Kampung Alma Bukit Mertajam yang dibangkitkan oleh ADUN Kawasan Berapit di Dewan Undangan Negeri pada 25 September 1989 telah di atasi? Jika ya, apakah hasilnya dan jika tidak, kenapa?

14. Bilakah dua batang pokok yang reput di hadapan tiang LLN JHS 5, Jalan Sulaiman, Perkampungan Berapit, Bukit Mertajam akan ditebang oleh pihak Kerajaan atau tuan-tuan tanah?

II. Y.B. Encik Lim Hock Seng (Ahli Kawasan Bagan Jermal):

1. Bilakah Jalan Mengkuang di Butterworth akan diturap semula?
2. Berapakah peruntukan bagi projek-projek kecil yang telah diberi kepada Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri Bagan Jermal bagi tahun 1987, 1988 dan 1989 dan berikan butir-butir mengenainya?
3. (a) Memandangkan banyaknya masalah berhubung dengan jalan tanah di kampung-kampung, adakah Kerajaan bercadang akan memajukan jalan-jalan yang ada tanah rezab Kerajaan di Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri Bagan Jermal?
- (b) Sila beritahu dimanakah letaknya tanah-tanah rezab jalan Kerajaan dalam kawasan ini.

III. Y.B. Encik Goik Hock Lai (Ahli Kawasan Machang Bubok):

1. Berapa banyakkah lawatan rasmi ke luar negeri yang telah dibuat oleh Y.B. Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam tahun 1989? Berikan butir-butir lengkap bagi setiap lawatan:
 - (a) Negara asing yang dilawati,
 - (b) tarikh dan tempoh masa lawatan;
 - (c) senarai peserta dan jumlah perbelanjaan yang terlibat; dan
 - (d) faedah dan hasil yang diperolehi daripada lawatan.
2. Apakah usaha-usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengadakan sebuah pasar awam di kawasan Kampong Baru, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah seperti yang telah saya sarankan di Persidangan Dewan Undangan Negeri pada 12 Disember, 1988 yang lalu?
3. (a) Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa Jalan Tujuh, di Perkampungan Machang Bubok telah diturap semula kurang 2 kaki daripada jalan asalnya selebar 12 kaki?
 - (i) Jika ya, apakah sebabnya?
 - (ii) Jika tidak, mengapa?
- (b) Jabatan manakah yang berkuasa atas penyelenggaraan jalan di Perkampungan Machang Bubok dan adakah projek menu-

rap semula Jalan Tujuh itu telah dirujuk dan mendapat kelulusan daripada Jabatan yang berkenaan?

- (i) Jika ya, apakah sebab jalan ini dikurangkan kelebarannya kepada 10 kaki?
 - (ii) Jika tidak, mengapakah projek ini tidak dirujuk kepada Jabatan berkenaan? Apakah makna 'pihakberkuasa jalan' kepada Jabatan berkenaan?
4. Adakah pihak Jabatan yang berkenaan sedar bahawa keadaan Jalan Tiga di Perkampungan Machang Bubok adalah lebih buruk daripada Jalan Tujuh dan memang sepatutnya diturap semula?
- (a) Jika ya, adakah Jabatan berkenaan mencadangkan supaya Jalan Tiga diturap semula?
 - (b) Jika tidak, mengapa?
5. Berapa banyakkah permohonan bagi mendapatkan tapak-tapak perumahan di kawasan penempatan semula Kampong Baru, Alma, Mukim 15, Seberang Perai Tengah yang telah diterima oleh Kerajaan Negeri? Berikan butir-butir lengkap berkenaan yang berikut:
- (a) senarai permohonan yang telah diluluskan dan hakmilik telah diterima;
 - (b) senarai permohonan yang telah diluluskan tetapi hakmilik belum diterima; dan
 - (c) senarai permohonan yang menghadapi masalah dan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri bagi mengatasinya?

IV. Y.B. Encik Khoo Boo Yeang (Ahli Kawasan Tanjong Bungah):

1. Apakah rancangan-ancangan yang akan diadakan untuk mengatasi masalah banjir di Tanjong Tokong yang disebabkan oleh pemendapan di muara sungai (iaitu sungai di sebelah Balai Bomba Bagan Jermal, di sepanjang Jalan Fettes dan di sebelah Hotel Hong Kong) dan timbunan tanah dan pasir yang dihakiskan dari timbunan tanah di Tanjong Tokong (belakang Restoran Dragon Gate).
2. Apakah rancangan-ancangan yang dikemukakan untuk mendalamkan:
 - (a) sungai di sebelah Balai Bomba Bagan Jermal hingga ke muara sungai;
 - (b) sungai di sebelah Jalan Fettes hingga ke muara sungai; dan
 - (c) sungai di sebelah Hotel Hong Kong hingga ke muara sungai.

3. Pada peringkat apakah pembangunan pasar Tanjong Bungah seperti yang dijanjikan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan bilakah pasar itu akan siap dibina?
4. Senaraikan jalan-jalan kampung yang telah ditar, yang telah ditarikan semula dan juga yang telah diperbaiki dalam kawasan pilihanraya Tanjong Bungah seperti yang telah dilaksanakan oleh Pejabat Daerah dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang dalam tahun 1986, 1987, 1988 dan 1989.
5. Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk mengambilalih tanah-tanah milik swasta atau separuh Kerajaan untuk projek perumahan Kerajaan di Tanjong Bungah dan Batu Ferringhi? Jika tidak, mengapa?
6. Apakah rancangan Kerajaan dalam meningkatkan mutu pembekalan lampu letrik tepi jalan di Jalan Tanjong Tokong, Jalan Tanjong Bungah dan Jalan Batu Ferringhi di mana bekalan letrik adalah tidak mencukupi memandangkan lalulintas yang semakin bertambah sekarang?
7. (a) Adakah Kerajaan Tempatan sedar bahawa pengenaan sebanyak \$40.00 sebagai bayaran permulaan dan sebanyak \$10.00 sebagai bayaran kemudian untuk mengepam najis dari tandas-tandas curah dikawasan luar bandar telah mengakibatkan kesulitan dan ketidakadilan kepada penduduk-penduduk berkenaan berbanding dengan bayaran sebanyak \$2.00 sebulan yang dikenakan untuk tandas yang disambung terus ke saluran najis di kawasan-kawasan bandar?
- (b) Bilakah Kerajaan Tempatan akan mengurangkan bayaran tersebut kepada jumlah yang lebih berpatutan?

V. Y.B. Encik Shanmugam s/o Nadason (Ahli Kawasan Prai):

1. (a) Nyatakan nama institusi kewangan dan bank dari mana Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah memperolehi kemudahan kredit untuk skim menebusguna tanah. Berikan butir-butir kemudahan yang diperolehi dan syarat-syarat yang dikenakan ke atas kemudahan yang diberi.
- (b) Jika pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang mempunyai rancangan untuk tanah yang ditebusguna, nyatakan jumlah kawasan yang ditebusguna dan tempat serta jenis kegunaannya.
- (c) Bagaimanakah pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang akan mengatasi masalah ekologi yang dilaporkan oleh beberapa pakar persekitaran adalah akibat daripada usaha-usaha tebusguna tanah dan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi mengatasi atau mengurangkan masalah ini?

2. (a) Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberi kepastian sama ada setengah kilang di Zon Perdagangan Bebas Bayan Lepas telah membentuk Pusat Kemahiran untuk melatih pekerja-pekerjanya;
- (b) Jika benar, berikan senarai nama kilang-kilang yang telah bersetuju untuk membentuk Pusat Kemahiran tersebut;
- (c) Adakah badan-badan atau institusi lain akan turut mengambil bahagian dalam pembentukan dan perjalanan Pusat ini dan jika ya, sebutkan perbadanan atau institusi yang berkenaan dan peranan yang akan mereka mainkan serta sumbangan yang akan mereka berikan;
- (d) Apakah peranan Kerajaan Negeri dan sumbangannya terhadap perjalanan Pusat tersebut; dan
- (e) Adakah Kerajaan Negeri akan memberi galakan dan bantuan di dalam penubuhan Pusat seperti ini bagi melatih pekerja-pekerja di Seberang Perai dan jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil setakat ini?
3. (a) Berapakah bilangan unit rumah kediaman yang terdapat pada akhir tahun 1988 di daerah-daerah berikut:-
 - (i) Daerah Timur Laut;
 - (ii) Daerah Barat Daya;
 - (iii) Daerah Seberang Perai Utara;
 - (iv) Daerah Seberang Perai Tengah; dan
 - (v) Daerah Seberang Perai Selatan.
 yang belum lagi dikeluarkan patil nombor rumah oleh pihak Majlis Tempatan?
- (b) Apakah sebabnya pihak Majlis Tempatan tidak mengeluarkan nombor rumah-rumah patil tersebut?

VI. Y.B. Encik Lim Kit Siang (Ahli Kawasan Kampong Kolam):

1. Adakah Pihak Berkuasa Negeri telah memperolehi perintah mahkamah untuk membolehkan Kerajaan menyerah balik tanah-tanah di atas Lot 474 (lot lama 344) Mukim 6, Daerah Barat Daya serta tanah-tanah di sekelilingnya? Jika ya, bilakah tanah-tanah berkenaan akan diserahkan balik kepada tuan-tuan tanah? Jika tidak, mengapa?
2. Setakat manakah Kerajaan Negeri telah melaksanakan projek CDD 21?
3. Sejauh manakah projek KOMTAR dapat menggambarkan kejayaan usaha Kerajaan dan mengurbanisasikan bandaraya Georgetown?

4. Sejauh manakah Kerajaan Negeri telah berjaya memajukan Pulau Pinang sebagai pusat industri pembinaan dan pembaikan kapal?
5. Sejauh manakah Kerajaan Negeri telah berjaya menuntut kembali taraf pelabuhan bebas kepada Pulau Pinang?
6. Sejauh manakah Kerajaan telah berjaya memajukan Negeri Pulau Pinang sebagai pusat pelancong raksaksa di rantau ini serta dalam menarik pelaburan asing dan tempatan dalam sektor pelancongan?
7. Adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengubah atau memberi alternatif kepada masa yang ditetapkan bagi tujuan menunggu dan memuatkan barang-barang di hadapan kedai-kedai yang terletak di Jalan Penang iaitu di antara persimpangan dengan Lebuhraya Tek Soon sehingga Pawagam Capital? Jika ya, beri butir-butir. Jika tidak, mengapa?
8. Sejauh manakah penjualan tanah oleh pihak Kerajaan dapat memberi hasil yang mencukupi untuk melaksanakan projek-projek pembangunan? Jika ya, beri butir-butir jumlah hasil daripada penjualan tanah yang digunakan untuk projek pembangunan yang berkenaan.
9. Bagaimanakah Kerajaan Negeri dapat memastikan supaya Negeri Pulau Pinang akan menjadi pusat bagi Wilayah Utara Semenanjung Malaysia dalam bidang perindustrian, perdagangan, kewangan, perkhidmatan, informasi, teknologi, pendidikan, pelancongan, pentadbiran dan perubatan?
10. Senaraikan semua pasar awam yang terdapat di Negeri Pulau Pinang dengan menyatakan sama ada pasar-pasar ini mempunyai kemudahan asas seperti tandas, telefon, bumbung, bekalan air dan elektrik. Adakah Kerajaan akan mengambil tindakan bagi memastikan kesemua pasar awam mempunyai kemudahan asas ini? Jika ya, beri butir-butir. Jika tidak, mengapa?
11. Berhubung dengan perkembangan terbaru pelaksanaan projek Lebuhraya Utara-Selatan di Negeri Pulau Pinang, berapakah pampasan mengambilbalik tanah yang telah dibayar oleh Kerajaan Negeri kepada tuan tanah yang terlibat dalam projek ini? Berapakah wang yang telah dibelanjakan untuk menempatkan semula orang-orang yang terlibat? Adakah Kerajaan bercadang untuk mengenakan premium tanah ke atas tanah-tanah yang digunakan oleh PLUS untuk projek membina Lebuhraya Utara-Selatan?

VII. Y.B. Encik Tan Loo Jit (Ahli Kawasan Batu Lanchang):

1. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar tentang keadaan banjir yang kian buruk yang sering melanda penduduk Georgetown pada setiap kali hujan walaupun untuk dua-tiga jam saja? Jika ya,

- (a) Adakah Kerajaan Negeri betul-betul mengambil berat tentang kehidupan penduduk negeri? Jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil sejak Pilihanraya 1986 sehingga ini?
 - (b) Bagaimanakah dengan wang sebanyak 4.5 juta ringgit yang dijanjikan dalam Pilihanraya 1986 oleh Y.A.B. Perdana Menteri? Kerajaan Negeri telah diberitahu bahawa wang itu telah diluluskan. Adakah wang itu telah diterima oleh Kerajaan Negeri?
 - (c) Apakah punca atau sebab-sebab banjir di Georgetown? Adakah ia disebabkan oleh pembangunan tanpa kawalan dan perancangan atau parit yang terlalu kecil?
 - (d) Berapa lamakah lagi penduduk Georgetown harus mengalami kesulitan dan kesengsaraan seperti ini?
2. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa setengah-setengah tempat dan jalan begitu sesak dengan lalulintas, terutamanya Jalan Jelutong dan Jalan Carnavon?
- (a) Apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah tersebut?
 - (b) Apakah punca atau sebab-sebab kesesakan lalulintas itu? Adakah disebabkan oleh:
 - (i) terlalu banyak kenderaan;
 - (ii) terlalu banyak lampu isyarat didirikan di sana-sini;
 - (iii) jalan-jalan terlalu sempit, atau
 - (iv) sebab-sebab yang lain.
3. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menyambut ketibaan "Tahun Melawat Malaysia 1990"?
- (a) Bilakah Muzium Negeri akan dipasang pendingin udara?
 - (b) Berapakah perbelanjaan bagi memasang pendingin udara Muzium?
 - (c) Adakah pihak Muzium bercadang mengadakan tempat letak kereta yang lebih besar memandangkan tempat meletak kereta sekarang adalah terlalu kecil dan bas pelancong terpaksa diletakkan di luar kawasan Muzium?
4. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar tentang kesulitan yang dihadapi oleh penanam-penanam taueh di Jalan Perak? Jika ya, bilakah perintah menutup telaga oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang itu akan ditarik balik?

VIII. Y.B. Encik Gooi Hock Seng (Ahli Kawasan Ayer Itam):

1. (a) Bilakah tempat letak kereta di kawasan rumah pangsa Padang Tembak mula diswastakan?
- (b) Bilakah kutipan wang dimulakan ditempat letak kereta rumah pangsa Padang Tembak dan nyatakan anggaran jumlah yang dikutip pada setiap tahun sejak kutipan itu dimulakan?
- (c) Sebutkan tarikh kelulusan yang diberi oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Pulau Pinang ke atas projek penswastaan letak kereta di kawasan rumah pangsa Padang Tembak sebagai tapak letak kereta bertiket.
- (d) Namakan syarikat dan alamat syarikat yang mendapat tender untuk mengutip bayaran letak kereta di tapak tersebut di atas sejak tapak kereta ini mula diswastakan. Sila berikan nama-nama pengarah syarikat yang mendapat tender tersebut.
2. (a) Bilakah masalah bumbung bocor disetiap blok rumah pangsa Padang Tembak mula dihadapi? Berapakah jumlah wang yang telah digunakan untuk membaiki kebocoran ini pada setiap tahun sejak tahun 1982 hingga bulan November 1989?
- (b) Berapa banyakkah syarikat yang telah diberi tawaran untuk memperbaiki bumbung-bumbung berkenaan? Berikan nama-nama mereka dan apakah sebabnya pertukaran kontraktor kerap berlaku?
- (c) Berapa unitkah rumah yang terlibat yang telah diberi unit ganti di tempat yang lain?
- (d) Sila berikan butir-butir perbelanjaan penyelenggaraan dan pembaikan bumbung-bumbung yang bocor di rumah pangsa Padang Tembak Pulau Pinang pada setiap tahun mulai 1982 hingga bulan November 1989.
3. (a) Berapa blokkah rumah pangsa Padang Tembak yang telah ditukar pendawaian elektrik lama dengan yang baru?
- (b) Adakah penghuni rumah pangsa berkenaan dipaksa membayar untuk perkhidmatan pendawaian tersebut? Jika ya, mengapa?
- (c) Berapakah jumlah yang telah digunakan pada setiap tahun mulaitahun 1982 hingga bulan November 1989 dan jumlah yang akan diguna pada masa akan datang untuk menukar pendawaian elektrik di semua blok rumah pangsa Padang Tembak?
- (d) Bilakah kerja-kerja pendawaian elektrik ini akan dapat disiapkan?

4. Berikan jumlah perbelanjaan bagi penyelenggaraan dan pembaikan tong-tong sampah serta tudong-tudong pelunsur sampah di rumah pangsa Padang Tembak pada setiap tahun mulai tahun 1988 hingga bulan November 1989?

5. (a) Berapa banyakkah jalan-jalan yang telah dibaiki pada setiap tahun oleh
 - (i) Majlis Perbandaran Pulau Pinang
 - (ii) Jabatan Kerja Raya
 - (iii) Pejabat Daerah dan Tanah
 sejak 1 Januari 1982 hingga sekarang dalam kawasan pilihanraya Ayer Itam?
- (b) Berapakah jumlah wang yang telah digunakan masing-masing oleh
 - (i) Majlis Perbandaran Pulau Pinang
 - (ii) Jabatan Kerja Raya
 - (iii) Pejabat Daerah dan Tanah
 dalam kawasan pilihanraya Ayer Itam sejak 1 Januari 1982 hingga sekarang?
- (c) Berikan nama jalan-jalan yang telah diperbaiki oleh
 - (i) Majlis Perbandaran Pulau Pinang
 - (ii) Jabatan Kerja Raya
 - (iii) Pejabat Daerah dan Tanah
 dalam kawasan pilihanraya Ayer Itam sejak 1 Januari 1982 hingga sekarang.

6. Berikan butir-butir perbelanjaan bagi penyelenggaraan rumah pangsa Padang Tembak pada tahun 1984, 1986 dan 1988 yang mana telah menggunakan wang sejumlah \$51,190.07, \$85,734.48 dan \$74,971.90 masing-masing.

7. (a) Berapakah jumlah wang yang telah digunakan untuk membaiki dan menyelenggara lif-lif rumah pangsa Padang Tembak daripada 1 Januari 1989 hingga 31 Oktober 1989?
- (b) Adakah lif-lif di Blok H rumah pangsa Padang Tembak telah ditukar?
- (c) Berapakah jumlah wang yang telah digunakan untuk menukar lif-lif di Blok H, rumah pangsa Padang Tembak ini?
- (d) Adakah Kerajaan bercadang akan menukar lif-lif di blok-blok rumah pangsa, Padang Tembak yang lain?

- (e) Jika ada, bilakah kerja-kerja menukar lif ini akan dimulakan dan bilakah pula kerja-kerja menukar lif-lif di semua blok rumah pangsa Padang Tembak ini akan berakhir?
- (f) Berapakah jumlah wang yang akan digunakan untuk menukar semua lif di rumah pangsa Padang Tembak?
- (g) Pernahkah sebarang tender diberi untuk menjalankan kerja-kerja menukar lif di rumah pangsa Padang Tembak?
- (h) Sekiranya ada, syarikat manakah yang telah mendapat tender ini?
- (i) Apakah jenis lif-lif yang akan ditukar?
- (j) Jumlah wang yang telah diguna untuk menyelenggara dan memperbaiki semua lif di rumah pangsa Padang Tembak mulai tahun 1982 hingga 1987 adalah seperti berikut:-

Tahun	(A)	(B)
1982	301,009.60	74,891.00
1983	203,917.40	116,110.00
1984	97,185.75	186,870.00
1985	123,353.10	131,780.00
1986	223,710.20	153,540.00
1987	289,497.90	157,320.00

Sila beritahu angka yang manakah di antara (A) dan (B) yang betul?

8. Berikan butir-butir jumlah pemberian Persekutuan 'Federal Grant' yang telah diterima oleh Kerajaan Negeri pada setiap tahun mulai tahun 1969 hingga 1988.
9. (a) Adakah Kerajaan Negeri memberi bantuan kewangan kepada pusat pelancongan swasta seperti:-
 - (i) Tokong Ular;
 - (ii) Tokong Kek Lok Si di Air Itam;
 - (iii) Tokong Siam di Bangkok Lane;
 - (iv) Tokong Kwong Hock Keong Kuan Yin di Jalan Pitt;
 - (v) Masjid Kapitan Kling di Jalan Pitt; dan
 - (vi) Khoo Kongsi di Lebuhraya Victoria?
- (b) Jika ada, berapakah jumlah wang yang telah diberi dan nyatakan tarikhnya? Berikan butir-butir mengikut tokong masing-masing. Jika tidak, apakah sebabnya?
10. (a) Berapa kalikah semua tangki air di setiap blok rumah pangsa Padang Tembak telah dicuci oleh pihak perumahan sejak tahun 1978 hingga bulan November 1989?

- (b) Berapakah kos bagi menjalankan kerja-kerja mencuci tangki tersebut?
11. (a) Sehingga ini, berapakah jumlah unit di Blok E dan J, rumah pangsa Padang Tembak yang didiami oleh anggota-anggota tentera?
 (b) Adakah Kerajaan bercadang untuk mengatur satu tempat tinggal yang lain untuk mereka?
 (c) Adakah Kerajaan Pulau Pinang meminta Kerajaan Persekutuan menyediakan satu tempat penginapan yang lain untuk askar-askar ini?
 (d) Jika tidak, sila beritahu alasannya.
 12. (a) Adakah Kerajaan bercadang untuk menjual kedai-kedai di tingkat bawah rumah pangsa Padang Tembak kepada peniaga-peniaga yang sedang berniaga di kawasan itu pada masa sekarang?
 (b) Jika ya, apakah syaratnya?
 (c) Jika tidak, mengapa?
 13. (a) Adakah Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah meluluskan cadangan untuk membina satu blok pangsapuri 9 tingkat (40 unit) di atas Lot 1819, 1820 dan 1821, Bandar Tanjong Tokong, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang?
 (b) Jika ya, mengapakah bantahan-bantahan penghuni di kawasan ini ditolak?
 14. (a) Adakah benar Universiti Sydney telah mengemukakan cadangan untuk membina satu cawangan kampus di Pulau Pinang?
 (b) Adakah Kerajaan Pulau Pinang telah dihubungi oleh pihak tertentu? Sekiranya ada, bagaimanakah kedudukannya?
 15. Berikan butir-butir perbelanjaan bagi menyeleenggara dan memperbaiki semua rumah pangsa Padang Tembak pada 1 Januari hingga 31 Oktober, 1989 ini.
 16. (a) Berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan bagi projek mengecat blok-blok rumah pangsa Padang Tembak pada setiap tahun mulai tahun 1982 hingga bulan Oktober, 1989?
 (b) Adakah Kerajaan bercadang untuk mengecat koridor atau 'Common Corridor' di bahagian dalam rumah pangsa Padang Tembak?
 (c) Jika tidak, mengapa?
 17. Berapakah jumlah pencari kerja yang berdaftar di Jabatan Buruh

Negeri pada setiap bulan mulai bulan Januari 1979 hingga bulan Oktober 1989 dan beritahu juga jumlah pekerjaan yang telah dikenalpasti atau yang telah diperolehi untuk mereka ini mengikut bulan-bulan yang tersebut di atas?

18. Apakah perkembangan tentang cadangan untuk membina sebuah pasar di Tanjung Bungah? Adakah projek ini telah ditangguhkan?
19. (a) Mengapakah Majlis Perbandaran Pulau Pinang tidak mengambil tindakan terhadap pengusaha 2 buah loji konkrit 'pre-mix' di Taman Lintang dan Jalan Pokok Ceri, Off Jalan Hill Railway yang telah menjalankan perusahaannya selama beberapa tahun tanpa lesen daripada pihak Kerajaan Tempatan?
- (b) Mengapakah Majlis Perbandaran Pulau Pinang tidak mengambil tindakan di bawah peruntukan Seksyen 81(j) Akta Kerajaan Tempatan, 1976 terhadap perkara itu?
20. Berapakah jumlah kawasan lapang (open space) yang diserahkan oleh pemaju kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai tetapi tidak diambilalih oleh pihak majlis kerana kesilapan atau kelalaian majlis sendiri? Adakah terdapat satu kawasan lapang di Jalan York juga menghadapi masalah yang sama?

IX. Y.B. Encik Abdul Razak bin Ismail (Ahli Kawasan Penaga):

1. (a) Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk mengetar jalan kampung di Kampong-kampong Rantau Panjang, Guar Kepah, Paya Cina, Bakar Kapor, Padang Tembusu, Kuala Muda, Pasir Gebu, Kampong Lembah, Permatang Janggus dan Jambatan Merdeka? Jika ada, sila sebutkan nama-nama jalan mengikut kampung-kampung di atas yang telah mendapat kelulusan untuk dilaksanakan pada tahun ini.
- (b) Adakah Kerajaan sedar bahawa beberapa batang jalan kampung di Kawasan Dewan Undangan Negeri Penaga telah banyak rosak dan perlu dibaiki? Jika ya, bilakah ianya akan dibaiki? Adakah jalan-jalan kampung di Kampong Permatang Janggus, Jalan Permatang Janggus ke Kota Aur, Jalan Padang Tembusu, Pengkalan Bongor dan Bakau Tua termasuk dalam rancangan untuk dibaiki pada tahun ini?

X. Y.B. Encik Chin Kooi Thoon (Ahli Kawasan Jawi):

1. Adakah benar jambatan Nibong Tebal akan dirobohkan? Jika ya, nyatakan tarikhnya dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah kesesakan jalan setelah jambatan yang berkenaan dirobohkan kelak?

2. Adakah masalah pembinaan takungan najis yang dihadapi oleh para penternak babi di Seberang Perai Selatan telah selesai? Jika belum, berapa ramaikah penternak yang masih belum membina takungan najis? Berapa banyakkah lesen menternak babi yang tidak diberi kebenaran untuk diperbaharui?
3. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa terdapat sembilan batang jalan di Perkampungan Valdor, Seberang Perai Selatan yang masih dalam keadaan buruk? Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menurap semula jalan-jalan ini? Jika ya, bila? Jika tidak, mengapa?
4. Adakah seorang Ahli Dewan Undangan Negeri dari parti pembangkang berhak untuk menggunakan Balai Rakyat sebagai tempat mengadakan ceramah politik? Jika ya, siapakah yang bertanggungjawab meluluskan permohonan seperti ini? Adakah kelulusan diperolehi daripada Pegawai Daerah atau Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampong?
5. Berapakah jumlah peruntukan yang diberi kepada Ahli Kawasan Dewan Undangan Negeri Jawi sejak bulan Ogos 1986 hingga 31 Oktober, 1989? Berikan senarai projek serta jumlah wang yang dibelanjakan bagi setiap projek.
6. Sehingga 31 Oktober 1989, berapa ramaikah penduduk di negeri ini yang menceburi bidang penangkapan ikan di laut dalam? Apakah hasil tangkapan yang mereka perolehi dan sumbangan Kerajaan Negeri terhadap mereka?
7. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah Pusat Persidangan dan Pusat Kewangan? Bagi menjayakan matlamat yang tersebut di atas, adakah Kerajaan Negeri meminta Kerajaan Persekutuan membenarkan lebih banyak lagi penerbangan terus ke negeri ini?
8. Siapa yang bertanggungjawab terhadap pembinaan sebatang jalan (Jalan Enam) di luar Perkampungan Valdor, adakah Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan Negeri? Bilakah kerja-kerja pembinaan jalan berkenaan akan dimulakan?
9. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa banjir kilat selalu berlaku di sekitar kawasan berdekatan dengan tiang LLN No. JC 26, Jalan Changkat, Changkat? Punca yang mengakibatkan banjir kilat ini berlaku adalah disebabkan oleh parit yang terletak di tepi tiang LLN No. JC 26 itu telah lama tidak dibersihkan dan pembetung di bawah jalan terlalu sempit. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengambil tindakan? Jika ya, bila? Jika tidak, berikan sebab-sebabnya.

10. Adakah benar Kerajaan Negeri bercadang untuk menjual Bukit Bendera kepada pelabur dari Jepun? Jika ya, berapakah harga tanah yang ditawarkan?
11. Berapakah jumlah wang yang diperuntukkan bagi setiap Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri setiap tahun? Adakah benar Kawasan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan diberi peruntukan yang lebih? Jika ya, berapakah jumlahnya?
12. Berikan nama kilang-kilang yang melabur di Negeri Pulau Pinang mulai daripada bulan Ogos 1986 hingga 31 Oktober, 1989. Berapakah jumlah wang yang dilabur oleh kilang-kilang yang berkenaan? Berapa pula peluang pekerjaan yang dapat dihasilkan oleh kilang-kilang itu?
13. Bilakah kerja-kerja pembinaan pasar awam Nibong Tebal di atas tapak yang telah dikenal pasti akan dimulakan? Apakah sebabnya projek pembinaan pasar awam berkenaan ditangguhkan begitu lama?
14. Atas sebab apakah pihak Kerajaan Negeri menarik balik pemberian milik tanah Lot 815, Mukim 15, Seberang Perai Selatan kepada Gereja Katholik di Perkampungan Valdor? Kepada siapakah tanah itu kini diberimilik dan berapakah bayaran premium yang dikenakan? Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberi semula tanah berkenaan kepada Gereja Katholik?

XI. Y.B. Encik Teoh Teik Huat (Ahli Kawasan Pengkalan Kota):

1. Berapakah jumlah wang yang telah dilupuskan sebagai hutang lapuk oleh Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun kebelakangan ini dan beri tarikh-tarikh serta sebab-sebab hutang ini dilupuskan?
2. Berapakah jumlah tunggakan-tunggakan yang belum dijelaskan kepada Kerajaan Negeri sehingga sekarang ini dan beri angka-angka pecahan tunggakan tersebut mengikut jenis (contoh: sewa perumahan, cukai tanah dan lain-lain) dan sebab-sebab mengapa Kerajaan Negeri tidak berupaya mengutip wang-wang tersebut?
3. (a) Nyatakan jumlah bilangan pekerja di kilang-kilang elektronik dan kilang-kilang yang ada kaitan dengan kilang tersebut di negeri ini dengan memberi angka-angka pecahan mengikut pekerja-pekerja tempatan, pekerja-pekerja asing dan pekerja-pekerja dari negeri lain.
- (b) Nyatakan juga bilangan pekerja di kilang-kilang tekstil dan kilang-kilang yang ada kaitan dengan kilang tersebut di negeri ini dengan memberi angka-angka pecahan mengikut pekerja-

pekerja tempatan, pekerja-pekerja asing dan pekerja-pekerja dari negeri lain.

- (c) Berikan penjelasan mengenai struktur gaji kedua-dua industri ini.
4. Berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan bagi rawatan perubatan Y.A.B. Ketua Menteri di luar negeri (termasuk bayaran perubatan, makanan, penginapan dan tambang udara dan lain-lain) bagi 5 tahun kebelakangan ini? Berikan pecahan mengikut tahun.
5. Berikan laporan kemajuan mengenai penjualan, penyewaan dan pajakan ruang-ruang di KOMTAR (Blok Menara) dengan butir-butir penggunaan, kedudukan wang dan orang-orang yang terlibat.

XII. Y.B. Puan Kee Phaik Cheen (Ahli Kawasan Batu Uban):

1. Ekonomi negeri ini telah mengalami pemulihan dalam tahun 1989, terutamanya dalam sektor perkilangan. Sila berikan statistik terbaru mengenai:
 - (a) bilangan kilang-kilang di Zon Perdagangan Bebas;
 - (b) bilangan pekerja-pekerja di Zon Perdagangan Bebas;
 - (c) bilangan kilang-kilang baru yang telah dan akan didirikan tidak lama lagi; dan
 - (d) jenis-jenis kilang mengikut barang pengeluaran yang telah dan akan didirikan di Zon Perdagangan Bebas.
2. Bidang penjajaan merupakan industri atau aktiviti ekonomi yang ketiga terbesar di negeri ini. Berapakah jumlah bilangan penjaja-penjaja statik dan bergerak tanpa lesen yang dianggarkan dalam negeri ini?
3. Apakah perangsang yang diberi oleh pihak berkuasa tempatan untuk menggalakkan pengswastan pasar-pasar dan kompleks-kompleks makanan? Sekiranya dasar sedemikian belum ada, apakah rancangan pihak-pihak berkuasa tempatan bagi menambah lagi kompleks-kompleks makanan dan pasar-pasar baru?
4. Sila berikan perangkaan terbaru pelancong-pelancong tempatan dan antarabangsa yang melawat ke Pulau Pinang.
5. Apakah persediaan bagi bilik-bilik hotel untuk memenuhi keperluan pelancong yang dijangka meningkat sempena program Tahun Melawat Malaysia 1990?
6. Apakah hotel-hotel baru yang akan dilancarkan tidak lama lagi dan nyatakan bilangan bilik yang mereka sediakan?

7. Adakah penerbangan ke Pulau Pinang telah bertambah? Sila berikan jumlah penerbangan pelbagai syarikat penerbangan ke Pulau Pinang dalam seminggu dan jumlah penerbangan terus ke Pulau Pinang?

5. RANG UNDANG-UNDANG

Enakmen Perbekalan (1990), 1989.

6. USUL-USUL

(A) Y.A.B. Ketua Menteri mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meluluskan perbelanjaan sebanyak \$60,018,480.00 (Ringgit: Enam puluh juta, lapan belas ribu, empat ratus lapan puluh sahaja), yang tertunjuk di dalam Anggaran Pembangunan Negeri Pulau Pinang 1990, yang dibentangkan sebagai Risalah Dewan Undangan Negeri, Pulau Pinang Bil. 16 Tahun 1989, dan menetapkan bahawa jumlah wang tersebut hendaklah dipergunakan bagi tujuan-tujuan yang ditetapkan di dalam Anggaran Pembangunan 1990 itu."

(B) Y.A.B. Ketua Menteri mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk memindahkan sejumlah \$10,000,000.00 (Ringgit: Sepuluh Juta sahaja) daripada Kumpulanwang Pembangunan Negeri, 1989 kepada Akaun Hasil Negeri Yang Disatukan pada tahun yang sama seperti diluluskan oleh Y.B. Menteri Kewangan dan mengusulkan bahawa jumlah wang tersebut hendaklah digunapakai semata-mata bagi tujuan pembayaran balik pinjaman yang dikenakan dan dibayar kepada Kerajaan Pusat."

(C) Y.B. Encik Gooi Hock Seng mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menhandang dengan berat dan kesal mengenai kes keruntuhan kaca serabut 'fibre glass' Patung Kuan Yin yang berada di Kek Lok Si Temple pada 11hb Sept 1989 dan dengan ini memutuskan bahawa Kerajaan Pulau Pinang patut menjalankan perkara yang tersebut di bawah ini dengan segera:-

- (a) Memberi bantuan kewangan untuk membina semula Patung Kuan Yin.
- (b) Membina semula Patung Kuan Yin kepada tinggi asalnya sebanyak 130 kaki dan meluluskan semua pelan pembinaan semula dengan segera.

- (c) Memberi bantuan kewangan dan membina semula Patung Kuan Yin sebagai satu 'commitment' penyertaan dan tanda kehormatan kepada hak asasi perlembagaan rakyat Pulau Pinang dalam kebebasan agama dan kepercayaan.
- (d) Memberi bantuan kewangan dan membina semula Patung Kuan Yin untuk menggalakkan dan mengekalkan Kek Lok Si Temple di Air Itam sebagai salah satu tempat penarikan pelancungan yang terpenting dalam negeri Pulau Pinang."

7. PENANGGUHAN.

BUTIR-BUTIR MESYUARAT YANG KETIGA BAGI PENGGAL YANG KEEMPAT, DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KETUJUH YANG TELAH DIADAKAN PADA 4 – 7 DISEMBER, 1989 DI DEWAN UNDANGAN NEGERI, LEBUH LIGHT, PULAU PINANG.

HARI ISNIN 4 DISEMBER, 1989

HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Speaker (Datuk Ooi Ean Kwong) — Ahli Kawasan Datuk Keramat
- Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr. Lim Chong Eu) — Ahli Kawasan Padang Kota
- Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri (Encik Hashim bin Dato' Haji Yusoff)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, D.M.P.N., D.J.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang (Datuk Khoo Kay Por, D.M.P.N., J.M.N., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar, P.P.T.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar, P.J.K., P.J.M.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang, P.J.M., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Ara Rendang (Tuan Haji Zakaria bin Bakar)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Lum)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad, P.P.N., P.J.K., P.J.M., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli, P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Acheh (Puan Hajjah Ragayah bt. Ariff, K.M.N., A.M.N., P.P.N., D.J.N., P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Penanti (Encik Yahaya bin Jamaluddin, P.J.K.)

- Yang Berhormat Ahli Kawasan Batu Uban (Puan Kee Phaik Cheen, P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Encik Yahaya bin Abdul Hamid, P.K.T., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat, J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Penaga (Encik Abdul Razak bin Ismail, P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Bakap (Dr. Lim Boon Sho, A.M.N., P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Tanjong Bungah (Encik Khoo Boo Yeang, P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Encik Abd. Roni b. A. Hasan)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Machang Bubok (Encik Goik Hock Lai, J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam s/o Nadason)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Batu Lanchang (Encik Tan Loo Jit)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Kebun Bunga (Encik Peter Huang)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng)

TURUT HADIR:

Setiausaha, Dewan Undangan Negeri (Cik Tan Lee Lee)

Dewan bersidang pada jam 9.38 pagi

1. DOA

2. PEMBENTANGAN RISALAH-RISALAH

Risalah-risalah yang berikut dibentangkan di atas Meja Dewan:-

- Bil. 15 Tahun 1989 — Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1990.
- Bil. 16 Tahun 1989 — Anggaran Pembangunan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1990.
- Bil. 17 Tahun 1989 — Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1990.
- Bil. 18 Tahun 1989 — Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang bagi tahun yang telah berakhir pada 31 Disember, 1986.

3. (A) JAWAPAN-JAWAPAN LISAN KEPADA SOALAN-SOALAN

Jawapan-jawapan lisan kepada soalan-soalan yang telah dikemukakan terlebih dahulu dan kepada soalan-soalan tambahan yang dibangkitkan di dalam Dewan diberi oleh Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar), Y.A.B. Ketua Menteri, Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar), Ahli Kawasan Sungai Pinang (Datuk Khoo Kay Por) dan Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang).

Dewan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

Dewan bersidang semula pada jam 11.23 pagi.

Jawapan-jawapan kepada soalan-soalan lisan terus diberi oleh Ahli Kawasan Sungai Dua, Y.A.B. Ketua Menteri, Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Lum), Ahli Kawasan Bukit Tengah, Ahli Kawasan Telok Kumbar, Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad), Ahli Kawasan Sungai Pinang dan Ahli Kawasan Ara Rendang (Tuan Haji Zakaria bin Bakar).

Sebanyak 38 soalan dijawab dalam masa 3 jam yang diperuntukkan. Y.B. Datuk Speaker mengarahkan supaya jawapan kepada soalan-soalan lisan yang belum dijawab diberi secara bertulis kepada Ahli-ahli yang berkenaan, mengikut Peraturan Mesyuarat 26(7).

(B) JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN-SOALAN

Jawapan-jawapan bertulis kepada soalan-soalan yang telah dikemukakan terlebih dahulu dibentangkan di atas Meja Dewan.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.02 tengahari.

Dewan bersidang semula pada jam 2.33 petang.

4. RANG UNDANG-UNDANG

(A) RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (1990), 1989

Y.A.B. Ketua Menteri dengan disokong oleh Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad) mencadangkan Rang Undang-undang bernama:-

“Suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.”

dibacakan bagi kali yang pertama.

Rang undang-undang dibacakan bagi kali yang pertama.

Y.A.B. Ketua Menteri, mengikut Peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 59, memberi kenyataan mengenai tujuan beliau untuk mencadangkan bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang itu dengan serta-merta.

Y.A.B. Ketua Menteri berucap kepada Dewan dan dengan disokong oleh Ahli Kawasan Telok Bahang mencadangkan supaya Rang Undang-undang Perbekalan (1990), 1989 dibacakan bagi kali yang kedua.

Dewan ditangguhkan pada jam 3.23 petang.

HARI SELASA 5 DISEMBER, 1989

HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Speaker (Datuk Ooi Ean Kwong) — Ahli Kawasan
Datuk Keramat
- Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr. Lim Chong Eu) — Ahli Kawasan
Padang Kota
- Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri (Encik Hashim bin Dato'
Haji Yusoff)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji
Abbas, D.M.P.N., D.J.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang (Datuk Khoo Kay Por,
D.M.P.N., J.M.N., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin
Haji Omar, P.P.T.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin
Haji Omar, P.J.K., P.J.M.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang,
P.J.M., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Ara Rendang (Tuan Haji Zakaria bin Bakar)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Lum)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin
Ahmad, P.P.N., P.J.K., P.J.M., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji
Ramli, P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Acheh (Puan Hajjah Raayah bt. Ariff,
K.M.N., A.M.N., P.P.N., D.J.N., P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Penanti (Encik Yahaya bin Jamaluddin,
P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Batu Uban (Puan Kee Phaik Cheen, P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Encik Yahaya bin Abdul
Hamid, P.K.T., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat, J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Penaga (Encik Abdul Razak bin Ismail,
P.J.K.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Bakap (Dr. Lim Boon Sho, A.M.N., P.J.K.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Encik Abd. Roni b. A. Hasan)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Machang Bubok (Encik Goik Hock Lai, J.P.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam s/o Nadason)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Batu Lanchang (Encik Tan Loo Jit)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Kebun Bunga (Encik Peter Huang)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng)

TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Ahli Kawasan Tanjong Bungah (Encik Khoo Boo Yeang)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh)

TURUT HADIR:

Setiausaha, Dewan Undangan Negeri (Cik Tan Lee Lee)

DOA

Dewan bersidang semula pada jam 9.36 pagi.

(Perbahasan di atas Rang Undang-undang Perbekalan (1990), 1989 dimulakan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat) berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng) berucap kepada Dewan.

Dewan ditangguhkan pada jam 10.56 pagi.

Dewan bersidang semula pada jam 11.18 pagi.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang) berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai) berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo) berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli) berucap kepada Dewan.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 2.37 petang.

Ahli Kawasan Permatang Pasir menyambungkan ucapan kepada Dewan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat) berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Batu Lanchang (Encik Tan Loo Jit) berucap kepada Dewan.

Dewan ditangguhkan pada jam 3.52 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 4.21 petang.

Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam s/o Nadason) berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Telok Bahang berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Mak Mandin berucap kepada Dewan.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.23 petang.

HARI RABU 6 DISEMBER, 1989

HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Speaker (Datuk Ooi Ean Kwong) — Ahli Kawasan Datuk Keramat
- Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr. Lim Chong Eu) — Ahli Kawasan Padang Kota
- Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri (Encik Hashim bin Dato' Haji Yusoff)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, D.M.P.N., D.J.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang (Datuk Khoo Kay Por, D.M.P.N., J.M.N., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar, P.P.T.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar, P.J.K., P.J.M.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang, P.J.M., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Ara Rendang (Tuan Haji Zakaria bin Bakar)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Lum)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad, P.P.N., P.J.K., P.J.M., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli, P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Achéh (Puan Hajjah Ragayah bt. Ariff, K.M.N., A.M.N., P.P.N., D.J.N., P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Penanti (Encik Yahaya bin Jamaluddin, P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Batu Uban (Puan Kee Phaik Cheen, P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Encik Yahaya bin Abdul Hamid, P.K.T., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat, J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Penaga (Encik Abdul Razak bin Ismail, P.J.K.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Bakap (Dr. Lim Boon Sho, A.M.N., P.J.K.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Tanjong Bungah (Encik Khoo Boo Yeang, P.J.K.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Encik Abd. Roni b. A. Hasan)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Machang Bubok (Encik Goik Hock Lai, J.P.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam s/o Nadason)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Batu Lanchang (Encik Tan Loo Jit)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng)

TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Kebun Bunga (Encik Peter Huang)

TURUT HADIR:

Setiausaha, Dewan Undangan Negeri (Cik Tan Lee Lee)

DOA

Dewan bersidang semula pada jam 9.38 pagi.

Ahli Kawasan Ara Rendang berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Bukit Tengah berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Telok Kumbar berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Sungai Dua berucap kepada Dewan.

Dewan ditangguhkan pada jam 10.56 pagi.

Dewan bersidang semula pada jam 11.19 pagi.

Ahli Kawasan Sungai Pinang berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas) berucap kepada Dewan.

Y.A.B. Ketua Menteri berucap kepada Dewan.

Usul dipersetujui.

Rang Undang-Undang Perbekalan (1990), 1989 dibacakan bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam Jawatankuasa Perbekalan dan dipersetujui tanpa pindaan.

Dewan bersidang semula.

Y.A.B. Ketua Menteri melaporkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan (1990), 1989 telah dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan dan mencadangkan supaya Rang Undang-undang tersebut dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

Usul dipersetujui dan Rang Undang-undang Perbekalan (1990), 1989 dibacakan bagi kali yang ketiga.

Rang Undang-undang Perbekalan (1990), 1989 diluluskan.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 2.37 petang.

5. USUL-USUL

(A) USUL DARIPADA Y.A.B. KETUA MENTERI

Y.A.B. Ketua Menteri berucap kepada Dewan dan dengan disokong oleh Ahli Kawasan Machang Bubok (Encik Goik Hock Lai) mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini meluluskan perbelanjaan sebanyak \$60,018,480.00 (Ringgit: Enam puluh juta, lapan belas ribu empat ratus lapan puluh sahaja), yang tertunjuk di dalam Anggaran Pembangunan Negeri Pulau Pinang 1990, yang dibentangkan sebagai Risalah Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Bil. 16 Tahun 1989, dan menetapkan bahawa jumlah wang tersebut hendaklah dipergunakan bagi tujuan-tujuan yang ditetapkan di dalam Anggaran Pembangunan 1990.”

Ahli Kawasan Kampong Kolam berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Dr. Lim Boon Sho) berucap kepada Dewan.

Dewan ditangguhkan pada jam 4.03 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 4.26 petang.

Ahli Kawasan Bagan Jermal berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng) berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Encik Yahaya bin Abdul Hamid) berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Prai berucap kepada Dewan.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.40 petang.

HARI KHAMIS 7 DISEMBER, 1989

HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Speaker (Datuk Ooi Ean Kwong) — Ahli Kawasan
Datuk Keramat
- Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr. Lim Chong Eu) — Ahli Kawasan
Padang Kota
- Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri (Encik Hashim bin Dato'
Haji Yusoff)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji
Abbas, D.M.P.N., D.J.N.,)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang (Datuk Khoo Kay Por, D.M.P.N.,
J.M.N., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin
Haji Omar, P.P.T.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin
Haji Omar, P.J.K., P.J.M.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang,
P.J.M., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Ara Rendang (Tuan Haji Zakaria bin Bakar)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Lum)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad,
P.P.N., P.J.K., P.J.M., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji
Ramli, P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Acheh (Puan Hajjah Ragayah bt.
Ariff, K.M.N., A.M.N., P.P.N., D.J.N., P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Penanti (Encik Yahaya bin Jamaluddin,
P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Batu Uban (Puan Kee Phaik Cheen, P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Encik Yahaya bin Abdul
Hamid, P.K.T., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat, J.P.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Penaga (Encik Abdul Razak bin Ismail,
P.J.K.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Bakap (Dr. Lim Boon Sho, A.M.N.,
P.J.K.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Tanjong Bungah (Encik Khoo Boo Yeang,
P.J.K.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Encik Abd. Roni bin
A. Hasan)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Machang Bubok (Encik Goik Hock Lai,
J.P.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam s/o Nadason)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Batu Lanchang (Encik Tan Loo Jit)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng)

TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Kebun Bunga (Encik Peter Huang)

TURUT HADIR:

Setiausaha, Dewan Undangan Negeri (Cik Tan Lee Lee)

DOA

Dewan bersidang semula pada jam 9.35 pagi.

Ahli Kawasan Batu Uban (Puan Kee Phaik Cheen) berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Berapit berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Machang Bubok berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota berucap kepada Dewan.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.08 pagi.

Dewan bersidang semula pada jam 11.34 pagi.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota menyambungkan ucapan beliau.

Ahli Kawasan Permatang Pasir berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Puan Hajjah Ragayah bt. Ariff) berucap kepada Dewan.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 2.34 petang.

Ahli Kawasan Penanti (Encik Yahaya bin Jamaluddin) berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Tanjong Bungah (Encik Khoo Boo Yeang) berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Penaga (Encik Abdul Razak bin Ismail) berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo) berucap kepada Dewan.

Dewan ditangguhkan pada jam 4.01 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 4.24 petang.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat) berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Telok Bahang berucap kepada Dewan.

Y.A.B. Ketua Menteri berucap kepada Dewan.

Usul dipersetujui.

(B) USUL DARIPADA Y.A.B. KETUA MENTERI

Y.A.B. Ketua Menteri berucap kepada Dewan dan, dengan disokong oleh Ahli Kawasan Tanjong Bungah mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk memindahkan sejumlah \$10,000,000.00 (Ringgit: Sepuluh juta sahaja) daripada Kumpulanwang Pembangunan Negeri, 1989 kepada Akaun Hasil Negeri Yang Disatukan pada tahun yang sama seperti diluluskan oleh Y.B. Menteri Kewangan dan mengusulkan bahawa jumlah wang tersebut hendaklah digunapakai semata-mata bagi tujuan pembayaran balik pinjaman yang dikenakan dan dibayar kepada Kerajaan Pusat."

Ahli Kawasan Prai berucap kepada Dewan.

Y.A.B. Ketua Menteri berucap kepada Dewan.

Usul dipersetujui.

(C) USUL DARIPADA AHLI KAWASAN AYER ITAM (ENCIK GOOI HOCK SENG)

Ahli Kawasan Ayer Itam berucap kepada Dewan dan dengan disokong oleh Ahli Kawasan Bagan Jermal mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memandang dengan berat dan kesal mengenai kes keruntuhan kaca serabut 'fibre glass' Patung Kuan Yin yang berada di Kek Lok Si Temple pada 11 September, 1989 dan dengan ini memutuskan bahawa Kerajaan Pulau Pinang patut menjalankan perkara yang tersebut di bawah ini dengan segera:-

- (a) memberi bantuan kewangan untuk membina semula Patung Kuan Yin.
- (b) membina semula Patung Kuan Yin kepada tinggi asalnya sebanyak 130 kaki dan meluluskan semua pelan pembinaan semula dengan segera.
- (c) memberi bantuan kewangan dan membina semula Patung Kuan Yin sebagai satu 'commitment' penyer-taan dan tanda kehormatan kepada hak asasi perlem-bagaan rakyat Pulau Pinang dalam kebebasan agama dan kepercayaan.
- (d) memberi bantuan kewangan dan membina semula Patung Kuan Yin untuk menggalakkan dan mengekal-

kan Kek Lok Si Temple di Air Itam sebagai salah satu tempat penarikan pelancungan yang terpenting dalam Negeri Pulau Pinang."

Seterusnya beliau mencadangkan pindaan kepada usul seperti berikut:-

- (i) Tambahan perkataan 'akan bertimbang kepada bahagian (a) yang kini berbunyi:-
 - (a) akan bertimbang memberi bantuan kewangan untuk membina semula Patung Kuan Yin; dan
- (ii) Meminda ketinggian patung daripada 130 kaki menjadi 118 kaki. Bahagian (b) berbunyi:-
 - (b) membina semula Patung Kuan Yin kepada tinggi asalnya sebanyak 118 kaki dan meluluskan semua pelan pembinaan semula dengan segera."

YA.B. Ketua Menteri berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Berapit berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Mak Mandin berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Prai berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Paya Terubong berucap kepada Dewan.

Ahli Kawasan Ayer Itam berucap kepada Dewan.

